



Headline: Jururawat rugi RM150,000 'dipukau' Macau Scam Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 25 September 2020

Section: Dalam Negeri
Page: 30

Jururawat rugi RM150,000 'dipukau' Macau Scam

KUANTAN: Seperti dipukau, seorang jururawat di Jengka, Maran dekat sini hanya menurut segala arahan sindiket Macau Scam sehingga kerugian RM150,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, jururawat berusia 57 tahun itu dihubungi suspek pada 11 September lalu yang menyamar sebagai wakil Pos Laju.

"Suspek mengatakan terdapat bungkusan berisi kad bank atas nama mangsa dan diminta bercakap dengan pegawai polis," katanya di sini semalam.

Mohd. Wazir berkata, mangsa menjadi panik dituduh terlibat jenayah pengubahan wang haram dan diminta membuat bayaran RM30,000 bagi menyelesaikan kes.

"Mangsa membuat bayaran berkenaan seperti diarahkan. Sejak itu, suspek kerap meminta wang dua minggu ber-



MOHD. WAZIR MOHD. YUSOF

turut-turut.

"Mangsa hanya mengikut segala arahan dan memindahkan wang ke dalam beberapa akaun setiap kali diminta berbuat demikian," katanya.

Mangsa menyedari ditipu apabila masih diminta menjelaskan bayaran melebihi dua minggu dan akhirnya membuat laporan di Balai Polis Bandar Jengka, kelmarin.